

RUJUKAN TEKNIKAL

SUMBER DANA DAN LIABILITI KEWANGAN

Rangka Kerja Pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, Akta PIDM menyatakan secara jelas sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen kami apabila tiba masanya. Sumber kewangan yang mencukupi adalah penting bagi kami untuk mentadbir dan mengendalikan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan secara efektif. Sumber kewangan yang tersedia adalah kritikal dalam memastikan kami berupaya memenuhi obligasi dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan, kami terdedah secara langsung kepada kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans.

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan perlunya sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan mandat secara efektif serta menangani pendedahan risiko yang dihadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaannya adalah untuk:

- a. memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan kami membiayai operasi harian; dan
- b. membina rizab bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans pada masa hadapan.

Rangka kerja pembiayaan tersebut mengambil kira peranan kami sebagai salah satu daripada peserta jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangan kami yang berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebih bersih daripada operasi. Lebih bersih tahunan dikreditkan dan dikumpulkan dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi yang mungkin berbangkit pada masa hadapan akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumen kewangan. Perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Dana masing-masing berdasarkan pengagihan kos seperti yang dikehendaki dalam Nota 2.2(e)(2) kepada penyata kewangan dan tiada percampuran dana di antara Dana-dana tersebut.

Rangka Kerja Dana Sasaran

Dana sasaran merujuk kepada tahap dana dalaman yang kami sasarkan untuk dikumpul demi menampung kerugian bersih yang dijangka timbul daripada sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Rangka kerja dana sasaran menyediakan asas dalam menilai kecukupan tahap semasa dana dan sebagai kaedah untuk menentukan secara sistematik tahap sasaran untuk dana-dana.

Pendekatan Pemodelan Dana Sasaran

Semakan menyeluruh terhadap rangka kerja dana sasaran bagi Dana Insurans Deposit (DIF) dan Dana Perlindungan Takaful dan Insurans (TIPF), iaitu Dana Perlindungan Insurans Am (GIPF), Dana Perlindungan Insurans Hayat (LIPF), Dana Perlindungan Takaful Am (GTPF) dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga (FTPF) telah dilaksanakan pada 2022 untuk menyelaraskan dana sasaran dengan pelbagai pilihan resolusi yang sedang dibangunkan.

Dalam membangunkan dana sasaran, kami menerima pakai kedua-dua pemodelan statistik dan pendekatan mengikut budi bicara bagi menentukan jajaran dana sasaran:

a. Pendekatan pemodelan statistik

Kami menerima pakai model statistik Nilai-pada-Risiko dalam membangunkan rangka kerja dana sasaran. Di bawah pendekatan pemodelan statistik ini, Nilai-pada-Risiko ditentukan untuk menilai pendedahan kami kepada kerugian bersih berpandukan anggaran kebarangkalian kegagalan institusi ahli, pendedahan semasa kegagalan, korelasi kegagalan dan kemungkinan pemulihan berlaku dalam sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan ke atas institusi ahli yang tidak berdaya maju. Bagi menentukan kecukupan tahap dana untuk menampung kerugian bersih, berdasarkan tahap keyakinan tertentu, kami memanfaatkan simulasi Monte Carlo yang digunakan dalam model statistik Nilai-pada-Risiko.

Simulasi berkenaan menggunakan sebilangan senario kerugian yang ketara untuk membina agihan kerugian statistik bertujuan untuk menentukan paras dana sasaran yang mampu menampung kerugian atau memenuhi kos ketakmampuan bayar dalam tempoh masa dan paras keyakinan yang tertentu. Bagi dana sasaran untuk TIFP khususnya, PIDM telah menilai pada asas gabungan dengan mengagregat kerugian bersih semua dana perlindungan individu daripada simulasi Monte Carlo untuk mencapai tahap dan jajaran dana sasaran yang digabungkan.

b. Pendekatan mengikut budi bicara

Dalam menentukan jajaran dana sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif lain seperti mandat dan kuasa perundangan kami, landskap dan persekitaran operasi industri perbankan dan insurans serta rejim pengawalseliaan dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau dalam penentuan jajaran dana sasaran.

Risiko dan Sensitiviti terhadap Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran tahap dana sasaran adalah tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berdasarkan kepada set andaian. Justeru, model tersebut berasaskan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

Jadual 1: Faktor-faktor Sensitif Utama Model Dana Sasaran

Persekitaran operasi	<p>Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran operasi institusi ahli tidak berubah dengan ketara dalam jangka masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap institusi ahli, landskap industri kewangan dan juga rejim dan penyeliaan kewangan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri ini atau ciri-ciri yang lain mungkin menghasilkan tahap dana sasaran dalam jajaran tertentu yang berbeza berbanding apa yang diperlukan sebelumnya. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan berdasarkan model yang digunakan pada setiap tahun.</p>
Mandat dan kuasa	<p>Mandat dan kuasa yang ditentukan dalam Akta PIDM, antara lainnya, membolehkan kami melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran dana sasaran dibuat berdasarkan mandat dan kuasa semasa yang digariskan dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara terhadap mandat dan kuasa kami mungkin menjejaskan andaian yang dibuat menggunakan model, dan seterusnya anggaran tahap dana sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa kami dalam tempoh terdekat ini.</p>

Dana sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan pada setiap tahun bagi memastikan tahap dana adalah relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan andaian atau input-input yang digunakan.

Pemboleh Ubah Input Utama bagi Model Statistik

Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

Jadual 2: Pemboleh Ubah Input Utama dan Andaian bagi Pemodelan Dana Sasaran

Kebarangkalian Kegagalan (PD)	Potensi kadar kegagalan institusi ahli yang bergantung kepada profil risiko mereka.
DIF dan TIFP	Purata kadar kegagalan terkumpul seperti yang dilaporkan oleh Institusi Penilaian Kredit Luaran dalam kajian kegagalan tahunan mereka. Purata kadar kegagalan terkumpul ditanda aras berbanding penilaian penarafan dalaman PIDM.

RUJUKAN TEKNIKAL

<p>Pendedahan Semasa Kegagalan (EAD)</p>	<p>EAD menggambarkan pendedahan kewangan terhadap PIDM dalam menjalankan resolusi ke atas institusi ahli</p>
<p>DIF</p>	<p>EAD dianggarkan berdasarkan dua (2) strategi resolusi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 450 1414 577"> <p><i>i. Pembayaran Balik</i> EAD dianggarkan dengan menggunakan jumlah deposit yang diinsuranskan bagi setiap bank ahli untuk menggambarkan amaun yang terdedah kepada PIDM bagi tujuan pembayaran balik kepada pendeposit.</p> <li data-bbox="523 607 1414 734"> <p><i>ii. Pemindahan</i> EAD dianggarkan berdasarkan keperluan pembiayaan akibat daripada kekurangan aset berbanding liabiliti dan keperluan modal untuk melaksanakan pemindahan keseluruhan perniagaan atau aset dan liabiliti.</p>
<p>TIPF</p>	<p>EAD dianggarkan berdasarkan empat (4) strategi resolusi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 835 1414 963"> <p><i>i. Pemindahan Perniagaan</i> EAD dianggarkan berdasarkan jurang akibat daripada kekurangan aset berbanding liabiliti (anggaran daripada ujian tekanan berbalik), kos operasi dan luar jangka,serta kos melepas dan kos pinjaman setiap ahli penginsurans.</p> <li data-bbox="523 992 1414 1155"> <p><i>ii. Run-off</i> EAD dianggarkan dengan menggunakan kos menampung kekurangan aset bersih yang ditolak daripada pendapatan pelaburan yang diperoleh, kos pengurus <i>run-off</i>, kos operasi dan luar jangka, serta kos melepas dan kos pinjaman setiap ahli penginsurans.</p> <li data-bbox="523 1184 1414 1348"> <p><i>iii. Pembubaran</i> EAD dianggarkan dengan menggunakan liabiliti tuntutan dan premium/sumbangan (termasuk caj risiko modal) serta liabiliti perbelanjaan (hanya bagi takaful am), kos pembubaran, kos operasi dan luar jangka, kos melepas dan kos pinjaman setiap ahli penginsurans.</p> <li data-bbox="523 1377 1414 1505"> <p><i>iv. Pemodalan Semula</i> Amaun EAD dianggarkan berdasarkan suntikan modal yang diperlukan daripada PIDM untuk mengembalikan kedudukan modal kepada tahap keperluan modal minimum.</p>
<p>Kerugian Akibat Kegagalan (LGD)</p>	<p>LGD ditakrifkan sebagai kerugian bersih PIDM selepas mengambil kira pemulihan dalam situasi kegagalan tertentu.</p>
<p>DIF</p>	<p>LGD dianggarkan berdasarkan dua (2) strategi resolusi seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="523 1720 1414 1848"> <p><i>i. Pembayaran Balik</i> Perbezaan antara amaun pembayaran balik dan pemulihan yang diterima oleh PIDM daripada aset-aset bank ahli yang gagal termasuk kos pinjaman untuk membiaya tindakan resolusi.</p> <li data-bbox="523 1877 1414 2004"> <p><i>ii. Pemindahan</i> Perbezaan antara pembiayaan yang disediakan oleh PIDM untuk menyokong strategi pemindahan (termasuk kos pinjaman) dan pemulihan selanjutnya oleh PIDM.</p>

TIPF

LGD dianggarkan berdasarkan empat (4) strategi resolusi seperti berikut:

i. Pindahan Perniagaan dan Run-off

Tiada pemulihan dijangkakan kerana hasil jualan dimiliki oleh pemegang saham.

ii. Pembubaran

LGD yang berbeza diguna pakai bagi kelas aset ahli penginsurans yang berbeza-beza.

iii. Pemodalan Semula

Peratusan tertentu daripada kos hangus diguna pakai sebagai LGD.

Pembiayaan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman bagi tujuan memenuhi obligasi kami. Pinjaman tersebut adalah mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, melalui terbitan sekuriti hutang, yang juga merupakan satu pilihan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.